مجليس اڬام اسلام نڬري سمبيلن
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN
Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
*Tel: 06-765 1402/05 Faks: 06-762 0648 Website: www.mains.gov.my*

# TAQWIM HIJRI 1448H

# تقويم هجري ١٤٤٨هـ

## ZON 3

DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON



**Taqwim ini mengandungi paparan gambar-gambar ulama'. Mohon kerjasama menjaga adab dan penghormatan*

# ZON 3
# 1448H

**DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON**

مجليس اڬام اسلام نڬري سمبيلن

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

١ مُحَرَّم

**MUHARRAM**

## 17 JUN - 15 JULAI 2026

**HARI BAHARU HIJRI BERMULA WAKTU MAGHRIB**

**TARIKH IJTIMA' : 5:45 petang (14 Julai 2026)**
**WAKTU DHUHA : 28 minit selepas waktu Syuruq**

| | مغرب | عشاء | إمساك | صبح | شروق | ظهر | عصر | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7:23 | 8:38 | 5:41 | 5:51 | 7:04 | 1:16 | 4:41 | RABU | 17 JUN 2026 |
| 2 | 7:23 | 8:39 | 5:41 | 5:51 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | KHAMIS | 18 JUN 2026 |
| 3 | 7:23 | 8:39 | 5:41 | 5:51 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | JUM'AT | 19 JUN 2026 |
| 4 | 7:23 | 8:39 | 5:42 | 5:52 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | SABTU | 20 JUN 2026 |
| 5 | 7:24 | 8:39 | 5:42 | 5:52 | 7:04 | 1:17 | 4:42 | AHAD | 21 JUN 2026 |
| 6 | 7:24 | 8:39 | 5:42 | 5:52 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | ISNIN | 22 JUN 2026 |
| 7 | 7:24 | 8:40 | 5:42 | 5:52 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | SELASA | 23 JUN 2026 |
| 8 | 7:24 | 8:40 | 5:42 | 5:52 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | RABU | 24 JUN 2026 |
| 9 | 7:25 | 8:40 | 5:43 | 5:53 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | KHAMIS | 25 JUN 2026 |
| 10 | 7:25 | 8:40 | 5:43 | 5:53 | 7:05 | 1:18 | 4:43 | JUM'AT | 26 JUN 2026 |
| 11 | 7:25 | 8:40 | 5:43 | 5:53 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | SABTU | 27 JUN 2026 |
| 12 | 7:25 | 8:41 | 5:43 | 5:53 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | AHAD | 28 JUN 2026 |
| 13 | 7:25 | 8:41 | 5:44 | 5:54 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | ISNIN | 29 JUN 2026 |
| 14 | 7:26 | 8:41 | 5:44 | 5:54 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | SELASA | 30 JUN 2026 |
| 15 | 7:26 | 8:41 | 5:44 | 5:54 | 7:07 | 1:19 | 4:44 | RABU | 1 JULAI 2026 |
| 16 | 7:26 | 8:41 | 5:44 | 5:54 | 7:07 | 1:19 | 4:44 | KHAMIS | 2 JULAI 2026 |
| 17 | 7:26 | 8:41 | 5:45 | 5:55 | 7:07 | 1:19 | 4:44 | JUM'AT | 3 JULAI 2026 |
| 18 | 7:26 | 8:41 | 5:45 | 5:55 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | SABTU | 4 JULAI 2026 |
| 19 | 7:26 | 8:42 | 5:45 | 5:55 | 7:07 | 1:19 | 4:45 | AHAD | 5 JULAI 2026 |
| 20 | 7:27 | 8:42 | 5:45 | 5:55 | 7:08 | 1:19 | 4:45 | ISNIN | 6 JULAI 2026 |
| 21 | 7:27 | 8:42 | 5:46 | 5:56 | 7:08 | 1:20 | 4:45 | SELASA | 7 JULAI 2026 |
| 22 | 7:27 | 8:42 | 5:46 | 5:56 | 7:08 | 1:20 | 4:45 | RABU | 8 JULAI 2026 |
| 23 | 7:27 | 8:42 | 5:46 | 5:56 | 7:08 | 1:20 | 4:45 | KHAMIS | 9 JULAI 2026 |
| 24 | 7:27 | 8:42 | 5:46 | 5:56 | 7:08 | 1:20 | 4:45 | JUM'AT | 10 JULAI 2026 |
| 25 | 7:27 | 8:42 | 5:47 | 5:57 | 7:09 | 1:20 | 4:45 | SABTU | 11 JULAI 2026 |
| 26 | 7:27 | 8:42 | 5:47 | 5:57 | 7:09 | 1:20 | 4:45 | AHAD | 12 JULAI 2026 |
| 27 | 7:27 | 8:42 | 5:47 | 5:57 | 7:09 | 1:21 | 4:45 | ISNIN | 13 JULAI 2026 |
| 28 | 7:27 | 8:42 | 5:47 | 5:57 | 7:09 | 1:21 | 4:45 | SELASA | 14 JULAI 2026 |
| 29 | 7:28 | 8:42 | 5:48 | 5:58 | 7:09 | 1:21 | 4:45 | RABU | 15 JULAI 2026 |

بولن فلك مليسيا

BULAN FALAK MALAYSIA

Bulan Muharram diisytiharkan sebagai Bulan Falak Malaysia setiap tahun sempena sambutan Ma'al Hijrah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai ilmu falak. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama Jabatan Mufti Negeri-Negeri dan agensi berkaitan, merangkumi aktiviti berkaitan ilmu falak kepada semua lapisan masyarakat.

Objektif:
Memartabatkan ilmu falak, melahirkan masyarakat yang celik falak, serta menyemarakkan sambutan Ma'al Hijrah.

Aktiviti:
- Cerapan anak bulan Muharram dan cerapan objek langit.
- Program keilmuan termasuk forum falak, pertandingan, bengkel dan kursus falak.

Sambutan:
Pelancaran rasmi peringkat kebangsaan dan negeri.

Sejarah:
Inisiatif ini telah diluncurkan pada 1 Muharram 1443H/2021M.




Sumber :
JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

- Cuti Umum
- Hari Kebesaran Islam

**Awal Muharram (Ma'al Hijrah) 1448H - 17 Jun 2026

*13, 14 dan 15 Muharram ialah Hari-Hari Putih (Ayyam al-Bidh) disunatkan berpuasa

# ZON 3 1448H

## DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON

مجليس اݢام اسلام نݢري سمبيلن

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

٢ صَفَر

## SAFAR

**16 JULAI - 13 OGOS 2026**

**HARI BAHARU HIJRI BERMULA WAKTU MAGHRIB**

**TARIKH IJTIMA' : 1:38 pagi (13 Ogos 2026)**
**WAKTU DHUHA : 28 minit selepas waktu Syuruq**

| | مغرب | عشاء | إمساك | صبح | شروق | ظهر | عصر | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7:28 | 8:42 | 5:48 | 5:58 | 7:09 | 1:21 | 4:45 | KHAMIS | 16 JULAI 2026 |
| 2 | 7:28 | 8:42 | 5:48 | 5:58 | 7:09 | 1:21 | 4:45 | JUM'AT | 17 JULAI 2026 |
| 3 | 7:28 | 8:42 | 5:48 | 5:58 | 7:10 | 1:21 | 4:45 | SABTU | 18 JULAI 2026 |
| 4 | 7:28 | 8:42 | 5:48 | 5:58 | 7:10 | 1:21 | 4:45 | AHAD | 19 JULAI 2026 |
| 5 | 7:28 | 8:42 | 5:49 | 5:59 | 7:10 | 1:21 | 4:45 | ISNIN | 20 JULAI 2026 |
| 6 | 7:28 | 8:42 | 5:49 | 5:59 | 7:10 | 1:21 | 4:45 | SELASA | 21 JULAI 2026 |
| 7 | 7:28 | 8:42 | 5:49 | 5:59 | 7:10 | 1:21 | 4:45 | RABU | 22 JULAI 2026 |
| 8 | 7:28 | 8:41 | 5:49 | 5:59 | 7:10 | 1:21 | 4:44 | KHAMIS | 23 JULAI 2026 |
| 9 | 7:28 | 8:41 | 5:49 | 5:59 | 7:10 | 1:21 | 4:44 | JUM'AT | 24 JULAI 2026 |
| 10 | 7:28 | 8:41 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:44 | SABTU | 25 JULAI 2026 |
| 11 | 7:28 | 8:41 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:44 | AHAD | 26 JULAI 2026 |
| 12 | 7:28 | 8:41 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:44 | ISNIN | 27 JULAI 2026 |
| 13 | 7:28 | 8:41 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:43 | SELASA | 28 JULAI 2026 |
| 14 | 7:27 | 8:41 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:43 | RABU | 29 JULAI 2026 |
| 15 | 7:27 | 8:40 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:43 | KHAMIS | 30 JULAI 2026 |
| 16 | 7:27 | 8:40 | 5:50 | 6:00 | 7:10 | 1:21 | 4:43 | JUM'AT | 31 JULAI 2026 |
| 17 | 7:27 | 8:40 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:42 | SABTU | 1 OGOS 2026 |
| 18 | 7:27 | 8:40 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:42 | AHAD | 2 OGOS 2026 |
| 19 | 7:27 | 8:39 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:42 | ISNIN | 3 OGOS 2026 |
| 21 | 7:27 | 8:39 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:41 | SELASA | 4 OGOS 2026 |
| 20 | 7:27 | 8:39 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:41 | RABU | 5 OGOS 2026 |
| 22 | 7:26 | 8:39 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:41 | KHAMIS | 6 OGOS 2026 |
| 23 | 7:26 | 8:38 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:21 | 4:40 | JUM'AT | 7 OGOS 2026 |
| 24 | 7:26 | 8:38 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:40 | SABTU | 8 OGOS 2026 |
| 25 | 7:26 | 8:38 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:39 | AHAD | 9 OGOS 2026 |
| 26 | 7:26 | 8:37 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:39 | ISNIN | 10 OGOS 2026 |
| 27 | 7:25 | 8:37 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:38 | SELASA | 11 OGOS 2026 |
| 28 | 7:25 | 8:37 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:38 | RABU | 12 OGOS 2026 |
| 29 | 7:25 | 8:36 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:37 | KHAMIS | 13 OGOS 2026 |



## MUFTI PERTAMA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

### SOHIBUS SAMAHAH SHEIKH HAJI AHMAD BIN HAJI MOHD SAID

Tuan Haji Ahmad dilahirkan di Kampung Bukit Ampangan, Seremban pada 26 Rabi' al-Auwal 1328 bersamaan 1912 dan meninggal dunia pada 7 Januari 1964. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Ampangan hingga tamat. Sebagaimana abangnya, beliau kemudiannya mendapat didikan langsung daripada bapanya. Beliau menunaikan haji sewaktu berusia 15 tahun selepas kematian bapanya dan melanjutkan pengajian agama di Makkah selama tujuh tahun.

Sekembalinya beliau ke tanah air setelah menuntut ilmu di sana, beliau mula menyebarkan ilmu pengetahuannya kepada umat Islam setempat. Beliau mengambil inisiatif mengajar di masjid dan surau di sekitar Seremban serta kawasan-kawasan seperti Sega, Rantau, dan Kuala Sawah hinggalah ke daerah Rembau. Di samping mengajar ilmu syariah seperti Fikah dan Tauhid, beliau juga mengajar ilmu Tasawuf serta membimbing pelajar-pelajarnya beramal dengan amalan al-Tariqah al-Ahmadiyyah, zikir-zikirnya, serta memberi kefahaman tentang ajaran tarekat ini.

Dalam masa yang sama, beliau mendirikan pondok yang akhirnya diberi nama al-Madrasah al-Saidiyyah, bersempena dengan nama ayahandanya, Tuan Haji Mohd Said. Tujuan beliau mendirikan madrasah ini adalah untuk mengajar dan menyebarkan ilmu Islam tradisional, termasuklah ilmu Tasauwuf, khususnya al-Tariqah al-Ahmadiyyah.

Pelantikan Tuan Haji Ahmad sebagai Mufti Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1950 adalah atas pemilihan dan persetujuan ulama Negeri Sembilan dalam satu persidangan yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan pada masa itu. Pada awalnya, beliau tidak bersetuju dengan lantikan tersebut, namun beliau akhirnya akur disebabkan desakan yang kuat daripada para ulama dan pembesar Negeri Sembilan sendiri.

Dalam mengendalikan tanggungjawab sebagai seorang Mufti dan pemimpin tarekat, beliau amat berhati-hati dan cermat supaya jawatan tersebut tidak mempengaruhi antara satu sama lain. Beliau berjaya meletakkan garis pemisah yang jelas antara sifat dan tanggungjawabnya, yang mana ini membuktikan kekuatan peribadi beliau.

Pada Selasa, 7 Januari 1964 bersamaan 21 Sya'ban 1383 jam 2:00 petang, Tuan Haji Ahmad menghembuskan nafas terakhirnya ketika masih menjawat jawatan Mufti.

### Karya

01. Penjelasan Di Sekitar Hukum Pungutan Zakat Fitrah Bagi Kerajaan Negeri Sembilan. (Dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syari'ah Bahagian Siaran, Jabatan Agama Negeri Sembilan pada tahun 1960 bersamaan 1379H).
02. Pengertian Kepada Tariqat Ahmadiyyah (suntingan oleh Mahmud Hj. Ahmad).
03. Risalah al-Qawa'id Li Shamad al-'Arifin wa al-Qutb al-Muhaqqiqin (Diterbitkan semula oleh Abdul Halim Haji Ahmad pada 25 April 1982 bersamaan 1 Rajab 1402H).
04. Ta'lik Di Atas Faedah Pada Menyelitkan Kaifiyyat Terawih Sepuluh Raka'at (Dikarang pada tahun 1305H).
05. Safinah al-Salamah Ahwal al-Dunya wa al-Barzakh wa al-Qiamah.
06. Kanzu al-Mu'id Fi Manaqib al-'Arif Billah al-Sheikh Muhammad Sa'id (Dicetak oleh Maktabah al-Ahmadiyyah, Singapura pada tahun 1952).
07. Perbahasan Berzikir Akan Allah Dengan Kuat (Diterbitkan di Kuala Pilah oleh Teruna Press pada tahun 1355H dan telah disunting bahasanya oleh Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, 1986).
08. Aurad al-Tariqat al-Ahmadiyah dan Kelebihannya.
09. Tuhfah al-Ikhwan fima Yakhtassu bi Lailat al-Nisf min Sya'ban.
10. Tuhfah al-Awtan wa al-Ikhwan (Dicetak di Singapura, al-Ahmadiyyah Press, 1354H/1935M).
11. Al-Fuyudhat al-Ahmadiyyah fi Fadhli wa Takhrij Ba'di Kalimat al-Husun al-Mani'ah al-Nabawiyyah.
12. Setengah Daripada Manaqib Guru-Guru Yang Mulia (Dicetak di Seremban, Sungei Ujong Press, 1354H).

*Sumber :*
JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

**13, 14 dan 15 Safar ialah Hari-Hari Putih (Ayyam al-Bidh) disunatkan berpuasa*

# ZON 3
# 1448H
## DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON

مجليس اݢام اسلام نݢري سمبيلن
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

٣ رَبِيعُ الأَوَّل
## RABI' AL-AUWAL

**14 OGOS - 12 SEPTEMBER 2026**

**HARI BAHARU HIJRI BERMULA WAKTU MAGHRIB**

**TARIKH IJTIMA' : 11:28 pagi (11 September 2026)**
**WAKTU DHUHA : 28 minit selepas waktu Syuruq**

| | مغرب | عشاء | إمساك | صبح | شروق | ظهر | عصر | Hari | Tarikh |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7:25 | 8:36 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:20 | 4:37 | JUM'AT | 14 OGOS 2026 |
| 2 | 7:25 | 8:36 | 5:51 | 6:01 | 7:10 | 1:19 | 4:36 | SABTU | 15 OGOS 2026 |
| 3 | 7:24 | 8:35 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:19 | 4:36 | AHAD | 16 OGOS 2026 |
| 4 | 7:24 | 8:35 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:19 | 4:35 | ISNIN | 17 OGOS 2026 |
| 5 | 7:24 | 8:35 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:19 | 4:34 | SELASA | 18 OGOS 2026 |
| 6 | 7:23 | 8:34 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:18 | 4:34 | RABU | 19 OGOS 2026 |
| 7 | 7:23 | 8:34 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:18 | 4:33 | KHAMIS | 20 OGOS 2026 |
| 8 | 7:23 | 8:33 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:18 | 4:32 | JUM'AT | 21 OGOS 2026 |
| 9 | 7:22 | 8:33 | 5:51 | 6:01 | 7:09 | 1:18 | 4:32 | SABTU | 22 OGOS 2026 |
| 10 | 7:22 | 8:33 | 5:51 | 6:01 | 7:08 | 1:17 | 4:31 | AHAD | 23 OGOS 2026 |
| 11 | 7:22 | 8:32 | 5:51 | 6:01 | 7:08 | 1:17 | 4:30 | ISNIN | 24 OGOS 2026 |
| 12 | 7:21 | 8:32 | 5:50 | 6:00 | 7:08 | 1:17 | 4:29 | SELASA | 25 OGOS 2026 |
| 13 | 7:21 | 8:31 | 5:50 | 6:00 | 7:08 | 1:17 | 4:29 | RABU | 26 OGOS 2026 |
| 14 | 7:21 | 8:31 | 5:50 | 6:00 | 7:08 | 1:16 | 4:28 | KHAMIS | 27 OGOS 2026 |
| 15 | 7:20 | 8:30 | 5:50 | 6:00 | 7:07 | 1:16 | 4:27 | JUM'AT | 28 OGOS 2026 |
| 16 | 7:20 | 8:30 | 5:50 | 6:00 | 7:07 | 1:16 | 4:26 | SABTU | 29 OGOS 2026 |
| 17 | 7:20 | 8:29 | 5:50 | 6:00 | 7:07 | 1:15 | 4:25 | AHAD | 30 OGOS 2026 |
| 18 | 7:19 | 8:29 | 5:50 | 6:00 | 7:07 | 1:15 | 4:24 | ISNIN | 31 OGOS 2026 |
| 19 | 7:19 | 8:29 | 5:49 | 5:59 | 7:06 | 1:15 | 4:24 | SELASA | 1 SEPTEMBER 2026 |
| 20 | 7:19 | 8:28 | 5:49 | 5:59 | 7:06 | 1:15 | 4:23 | RABU | 2 SEPTEMBER 2026 |
| 21 | 7:18 | 8:28 | 5:49 | 5:59 | 7:06 | 1:14 | 4:22 | KHAMIS | 3 SEPTEMBER 2026 |
| 22 | 7:18 | 8:27 | 5:49 | 5:59 | 7:06 | 1:14 | 4:21 | JUM'AT | 4 SEPTEMBER 2026 |
| 23 | 7:17 | 8:27 | 5:49 | 5:59 | 7:05 | 1:14 | 4:20 | SABTU | 5 SEPTEMBER 2026 |
| 24 | 7:17 | 8:26 | 5:48 | 5:58 | 7:05 | 1:13 | 4:19 | AHAD | 6 SEPTEMBER 2026 |
| 25 | 7:17 | 8:26 | 5:48 | 5:58 | 7:05 | 1:13 | 4:18 | ISNIN | 7 SEPTEMBER 2026 |
| 26 | 7:16 | 8:25 | 5:48 | 5:58 | 7:05 | 1:13 | 4:17 | SELASA | 8 SEPTEMBER 2026 |
| 27 | 7:16 | 8:25 | 5:48 | 5:58 | 7:04 | 1:12 | 4:16 | RABU | 9 SEPTEMBER 2026 |
| 28 | 7:15 | 8:24 | 5:48 | 5:58 | 7:04 | 1:12 | 4:15 | KHAMIS | 10 SEPTEMBER 2026 |
| 29 | 7:15 | 8:24 | 5:47 | 5:57 | 7:04 | 1:11 | 4:14 | JUM'AT | 11 SEPTEMBER 2026 |
| 30 | 7:14 | 8:23 | 5:47 | 5:57 | 7:04 | 1:11 | 4:13 | SABTU | 12 SEPTEMBER 2026 |



## MUFTI KEDUA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

### SOHIBUS SAMAHAH DATO' HAJI ABU HASAN BIN HAJI SAIL

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Sail dilahirkan di Kampung Pulau Bukit, Chengkau, Rembau pada 6 Ogos 1922. Beliau merupakan anak kedua daripada sembilan orang adik-beradik hasil perkongsian hidup Haji Sail bin Haji Mustafa dan Hajjah Khadijah binti Ujang. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pulau Besar. Sebagaimana hasrat ayahnya yang ingin memelihara akidah anak-anaknya, beliau tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris, sebaliknya menumpukan perhatian kepada pengajian agama.

Pada tahun 1935, beliau mula menimba ilmu di Madrasah al-Saidiyyah, Rasah, sebuah institusi pondok tersohor di bawah pimpinan ulama besar, Sheikh Haji Ahmad bin Sheikh Haji Mohd Said. Di sinilah beliau mendapat didikan langsung daripada gurunya dalam mendalami kitab-kitab muktabar serta diijazahkan dengan amalan al-Tariqah al-Ahmadiyyah. Kecerdasan dan ketulusan adab yang dimiliki menyebabkan beliau amat disayangi oleh gurunya itu.

Hasrat beliau untuk melanjutkan pengajian ke Makkah tercapai pada tahun 1937. Sepanjang lapan tahun di sana, beliau berguru dengan tokoh-tokoh ulama dunia di Sekolah Darul Ulum al-Diniyyah. Seterusnya beliau melanjutkan pengajian pada tahun 1951 ke Universiti al-Azhar, Mesir, sehingga berjaya memperoleh Ijazah Sarjana dalam bidang al-Wa'az wal-Irsyad pada tahun 1957.

Sekembalinya beliau ke tanah air, beliau mula mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat. Beliau telah dilantik sebagai Mudir pertama di Sekolah Menengah Agama Tinggi Seri Menanti pada tahun 1959. Wibawa beliau dalam bidang perundangan Islam semakin terserlah apabila dilantik sebagai Qadhi Besar Negeri Sembilan yang pertama pada tahun 1961, di mana beliau bertanggungjawab menyusun pentadbiran Mahkamah Syariah di seluruh daerah.

Pelantikan Dato' Haji Abu Hassan sebagai Mufti Negeri Sembilan yang kedua pada 23 Mac 1969 adalah bagi mengisi kekosongan jawatan setelah kewafatan gurunya, Sheikh Haji Ahmad. Beliau menggalas amanah sebagai Mufti selama 18 tahun dengan penuh tawaduk dan tegas dalam urusan hukum-hakam. Dalam masa yang sama, beliau tetap istiqamah memimpin solat berjemaah serta menyampaikan ilmu di surau berdekatan kediamannya meskipun memegang jawatan tinggi dan dianugerahkan gelaran Dato'.

Dalam mengendalikan tanggungjawab sebagai seorang Mufti, beliau dikenali sebagai seorang yang sangat menjaga tutur kata, pendiam, dan sentiasa merendah diri. Beliau berjaya membuktikan kekuatan peribadi yang tinggi dalam memimpin umat Islam di Negeri Sembilan sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Pada hari Khamis, 21 April 1994 bersamaan 10 Zu al-Qa'dah 1414 ketika berusia 72 tahun, Dato' Haji Abu Hassan menghembuskan nafas terakhirnya. Beliau disemadikan di Makam Tuan Haji Said, berdekatan dengan makam guru dan bapa mertuanya, meninggalkan warisan ilmu yang tiada galang gantinya kepada umat Islam.

### Jawatan

01 Mudir Sekolah Ugama Menengah Tinggi Seri Menanti, Kuala Pilah (1959 – 1961).
02 Pemangku Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (1963 – 1969).
03 Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan yang kedua (1969 – 1987).
04 Pengerusi Jawatankuasa Syariah Negeri Sembilan.
05 Pengerusi Jawatankuasa Ulangbicara Mahkamah Syariah.
06 Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Imam dan Bilal.
07 Pengerusi Jawatankuasa Mangajar Agama Negeri Sembilan.
08 Pengerusi Jawatankuasa Menentukan Sempadan Qaryah Masjid di Negeri Sembilan.

### Karya

1. Himpunan Fatwa Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Sail (1998).
2. Tokoh Ulama Silam : Sheikh Haji Ahmad bin Mohd Said al-Dandarawi (1981).
3. Kertas Kerja Membiarkan Diri Dalam Perkara Syubhah dan Haram Mengakibatkan Kepudaran Iman (1980).

*Sumber :*
JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

- Cuti Umum
- Hari Kebesaran Islam

*Maulidur Rasul - 25 Ogos 2026
*Hari Kebangsaan - 31 Ogos 2026

*13, 14 dan 15 Rabi' al-Auwal ialah Hari-Hari Putih (Ayyam al-Bidh) disunatkan berpuasa*


Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-765 1402/05 Faks: 06-762 0648 Website: www.mains.gov.my


Ikuti kami: majlisagamaislamns

# ZON 3 1448H

DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON

مجليس اݢام اسلام نݢري سمبيلن

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

## ٤ ربيع الآخر
## RABI‘ AL-AKHIR

### 13 SEPTEMBER - 11 OKTOBER 2026

HARI BAHARU HIJRI BERMULA WAKTU MAGHRIB

TARIKH IJTIMA‘ : 11:51 malam (10 Oktober 2026)
WAKTU DHUHA : 28 minit selepas waktu Syuruq

| | مغرب | عشاء | إمساك | صبح | شروق | ظهر | عصر | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7:14 | 8:23 | 5:47 | 5:57 | 7:03 | 1:11 | 4:11 | AHAD | 13 SEPTEMBER 2026 |
| 2 | 7:14 | 8:23 | 5:47 | 5:57 | 7:03 | 1:10 | 4:10 | ISNIN | 14 SEPTEMBER 2026 |
| 3 | 7:13 | 8:22 | 5:46 | 5:56 | 7:03 | 1:10 | 4:09 | SELASA | 15 SEPTEMBER 2026 |
| 4 | 7:13 | 8:22 | 5:46 | 5:56 | 7:02 | 1:10 | 4:09 | RABU | 16 SEPTEMBER 2026 |
| 5 | 7:12 | 8:21 | 5:46 | 5:56 | 7:02 | 1:09 | 4:10 | KHAMIS | 17 SEPTEMBER 2026 |
| 6 | 7:12 | 8:21 | 5:46 | 5:56 | 7:02 | 1:09 | 4:10 | JUM'AT | 18 SEPTEMBER 2026 |
| 7 | 7:11 | 8:20 | 5:45 | 5:55 | 7:02 | 1:09 | 4:10 | SABTU | 19 SEPTEMBER 2026 |
| 8 | 7:11 | 8:20 | 5:45 | 5:55 | 7:01 | 1:08 | 4:10 | AHAD | 20 SEPTEMBER 2026 |
| 9 | 7:11 | 8:19 | 5:45 | 5:55 | 7:01 | 1:08 | 4:11 | ISNIN | 21 SEPTEMBER 2026 |
| 10 | 7:10 | 8:19 | 5:44 | 5:54 | 7:01 | 1:08 | 4:11 | SELASA | 22 SEPTEMBER 2026 |
| 11 | 7:10 | 8:19 | 5:44 | 5:54 | 7:00 | 1:07 | 4:11 | RABU | 23 SEPTEMBER 2026 |
| 12 | 7:09 | 8:18 | 5:44 | 5:54 | 7:00 | 1:07 | 4:12 | KHAMIS | 24 SEPTEMBER 2026 |
| 13 | 7:09 | 8:18 | 5:44 | 5:54 | 7:00 | 1:07 | 4:12 | JUM'AT | 25 SEPTEMBER 2026 |
| 14 | 7:09 | 8:17 | 5:43 | 5:53 | 7:00 | 1:06 | 4:12 | SABTU | 26 SEPTEMBER 2026 |
| 15 | 7:08 | 8:17 | 5:43 | 5:53 | 6:59 | 1:06 | 4:12 | AHAD | 27 SEPTEMBER 2026 |
| 16 | 7:08 | 8:16 | 5:43 | 5:53 | 6:59 | 1:05 | 4:13 | ISNIN | 28 SEPTEMBER 2026 |
| 17 | 7:07 | 8:16 | 5:43 | 5:53 | 6:59 | 1:05 | 4:13 | SELASA | 29 SEPTEMBER 2026 |
| 18 | 7:07 | 8:16 | 5:42 | 5:52 | 6:59 | 1:05 | 4:13 | RABU | 30 SEPTEMBER 2026 |
| 19 | 7:06 | 8:15 | 5:42 | 5:52 | 6:58 | 1:05 | 4:13 | KHAMIS | 1 OKTOBER 2026 |
| 20 | 7:06 | 8:15 | 5:42 | 5:52 | 6:58 | 1:04 | 4:13 | JUM'AT | 2 OKTOBER 2026 |
| 21 | 7:06 | 8:15 | 5:41 | 5:51 | 6:58 | 1:04 | 4:14 | SABTU | 3 OKTOBER 2026 |
| 22 | 7:05 | 8:14 | 5:41 | 5:51 | 6:58 | 1:04 | 4:14 | AHAD | 4 OKTOBER 2026 |
| 23 | 7:05 | 8:14 | 5:41 | 5:51 | 6:57 | 1:03 | 4:14 | ISNIN | 5 OKTOBER 2026 |
| 24 | 7:05 | 8:13 | 5:41 | 5:51 | 6:57 | 1:03 | 4:14 | SELASA | 6 OKTOBER 2026 |
| 25 | 7:04 | 8:13 | 5:40 | 5:50 | 6:57 | 1:03 | 4:14 | RABU | 7 OKTOBER 2026 |
| 26 | 7:04 | 8:13 | 5:40 | 5:50 | 6:57 | 1:02 | 4:14 | KHAMIS | 8 OKTOBER 2026 |
| 27 | 7:03 | 8:13 | 5:40 | 5:50 | 6:57 | 1:02 | 4:15 | JUM'AT | 9 OKTOBER 2026 |
| 28 | 7:03 | 8:12 | 5:40 | 5:50 | 6:56 | 1:02 | 4:15 | SABTU | 10 OKTOBER 2026 |
| 29 | 7:03 | 8:12 | 5:39 | 5:49 | 6:56 | 1:02 | 4:15 | AHAD | 11 OKTOBER 2026 |



## MUFTI KETIGA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

### SOHIBUS SAMAHAH DATO' SHEIKH HAJI MOHD MURTADZA BIN SHEIKH HAJI AHMAD

Dato’ Sheikh Haji Mohd Murtadza bin Sheikh Haji Ahmad dilahirkan di Rasah, Seremban pada hari Khamis, 5 Mei 1937 bersamaan 25 Safar 1356 Hijrah. Sebagaimana ayahandanya, Sheikh Haji Ahmad, beliau turut menerima didikan awal yang sempurna dalam bidang agama. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Dato' Shahbandar, Rasah sebelum meneruskan pengajiannya di Madrasah al-Khairiah, Singapura dan Madrasah al-Attas al-Arabiah, Johor Bahru.

Kecemerlangan beliau dalam menuntut ilmu diteruskan di Madrasah al-Mashoor, Pulau Pinang pada tahun 1957. Hasrat beliau untuk menimba ilmu di bumi barakah Mesir tercapai apabila beliau melanjutkan pengajian ke luar negara pada tahun 1960. Beliau berjaya menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar, Kaherah dalam kuliah al-Syariah wal Qanun sehingga memperoleh Ijazah Sarjana pada tahun 1973.

Sekembalinya ke tanah air, beliau mula mencurahkan khidmat baktinya sebagai pendidik di SMKA Sheikh Haji Mohd Said pada tahun 1974. Kepakaran beliau dalam bidang perundangan Islam membawa kepada pelantikan beliau sebagai Qadhi Daerah Kuala Pilah dan Jempol serta Hakim Mahkamah Syariah pada tahun 1976. Wibawa beliau sebagai pemimpin agama semakin terserlah apabila dilantik sebagai Ketua Pegawai Penerangan merangkap Imam Besar Masjid Negeri pada tahun 1981, sebelum memangku jawatan Qadhi Besar Negeri Sembilan pada tahun 1984.

Pelantikan Dato’ Sheikh Haji Mohd Murtadza sebagai Mufti Negeri Sembilan yang ketiga pada 10 Ogos 1987 adalah bagi menggantikan penyandang sebelumnya, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Sail. Beliau menggalas amanah ini selama 22 tahun dengan penuh dedikasi. Antara jasa besar beliau adalah mempelopori pewujudan Enakmen Murtad pada 2004 dan Enakmen Tarekat Tasawuf pada 2007, yang menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri pertama di Malaysia yang mewujudkan enakmen tersebut sebagai panduan buat negeri-negeri lain.

Dalam mengendalikan urusan fatwa dan pentadbiran agama, beliau dikenali sebagai seorang ulama yang progresif namun tetap berpegang teguh kepada tradisi ilmu Islam. Selain menggalas tugas rasmi, beliau juga merupakan Khalifah Tariqat al-Ahmadiyah al-Idrisiyah al-Rashidiyah al-Dandarawiyah, meneruskan legasi rohani yang diwarisi daripada keluarganya. Ketokohan beliau diiktiraf melalui pelbagai anugerah, termasuklah Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri pada tahun 1420 Hijrah.

Setelah sekian lama menabur jasa bakti kepada agama dan negeri, pada 14 Mac 2017, Dato’ Sheikh Haji Mohd Murtadza telah kembali ke rahmatullah. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya di Sendayan dan disemadikan di Tanah Perkuburan Makam Tuan Haji Said, Seremban, berhampiran dengan makam ayahanda dan para gurunya, meninggalkan warisan kepimpinan dan perundangan Islam yang sangat bermakna.

### Pengalaman

- **1950** Belajar di Madrasah Khairiah Singapura disamping belajar dengan bapa saudara Tuan Haji Abd. Rashid.
- **1951** Meneruskan pelajaran ke Madrasah al-Atas Johor Bahru – belajar agama di sebelah pagi di Madrasah al-Atas dan di sebelah petang belajar di Sekolah Agama Air Molek.
- **1956** Lulus Kelas Khas dan mendapat No. 3 daripada 1000 orang penuntut. Pada tahun yang sama lulus syahadah al-Ibtida‘iyah di Madrasah tersebut.
- **1957** Melanjut pelajaran ke Madrasah al-Mashoor, Pulau Pinang hingga 1960. Kemudian lulus ujian dan dilantik menjadi guru sementara di Madrasah al-Mashoor, Pulau Pinang.
- **1960** Menyambung pengajian ke al-Azhar. Mula-mula belajar di Maahad al-Bu‘us. Oleh kerana al-Azhar menerima perubahan baru zaman Sheikh Mahmud Shaltut dan Dr. Mohd Bahai, Menteri Waqaf. Semua pelajar-pelajar diarah menerima sistem baru pelajaran sains dan agama di al-Azhar dan di antara yang kekal sehingga mendapat shahadah Senawi di Maahad al-Kaherah.
- **1965** Mendapat sijil menengah al-Azhar.
- **1966** Melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar dalam kuliah al-Syariah wal-Qanun.
- **1973** Berjaya menamatkan pengajiannya dengan lulusan Sarjana al-Azhar.
- **1974** Bertugas sebagai Guru Sementara di Sekolah Ugama Menengah Tinggi (SUMT) Seremban.
- **1976** Menjadi Qadhi Daerah Kuala Pilah / Jempol dan Hakim Mahkamah Syariah Daerah Kuala Pilah dan Jempol.
- **1981** Dilantik menjadi Ketua Pegawai Penerangan merangkap Imam Besar Masjid Negeri.
- **1984** Ketua Pegawai Penerangan memangku Qadhi Besar Negeri Sembilan dan Hakim Mahkamah Qadhi Besar seluruh Negeri Sembilan. Dalam tempoh ini beliau telah dihantar menghadiri beberapa kursus yang diadakan sama ada di Kuala Kubu Bharu, 2 minggu menghadiri kursus Imam-Imam di Sabah atas kerjasama Kerajaan Malaysia dan Libya . Kemudian kursus Imam-Imam seluruh dunia di Mesir selama 3 bulan (Mac – Jun 1986) bersama-sama 11 orang Pegawai Agama seluruh Malaysia atas pilihan JAKIM.
- **1987** Dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

### Penghargaan & Pengiktirafan

- Khalifah Tariqat al-Ahmadiyah al-Idrisiyah al-Rashidiyah al-Dandarawiyah.
- Tokoh Maal Hijrah Tahun 1420 Hijrah.
- Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JAKIM).
- Ahli Jawatankuasa Lembaga Teks al-Quran (Kementerian Dalam Negeri).
- Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Syarak dan Sivil Malaysia (JAKIM).
- Ahli Kehormat Persatuan Falak Syar'i Malaysia.
- Ahli Lembaga Pengarah Dalam Syarikat Ladang Bangkahulu (Syarikat Usahasama MAINS dan Ladang Tabung Haji).
- Wakil Malaysia ke Persidangan Tasauwuf Peringkat Antarabangsa 2004.

*Sumber :*
JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

- Cuti Umum
- Hari Kebesaran Islam

*Hari Malaysia - 16 September 2026

**13, 14 dan 15 Rabi‘ al-Akhir ialah Hari-Hari Putih (Ayyam al-Bidh) disunatkan berpuasa*

Jalan Taman Bunga, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: 06-765 1402/05 Faks: 06-762 0648 Website: www.mains.gov.my

Ikuti kami: majlisagamaislamns

# ZON 3
# 1448H
## DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON

مجليس اݢام إسلام نݢري سمبيلن
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

# ٥ جُمَادَى الأُولَى
# JUMADA AL-ULA

**12 OKTOBER - 10 NOVEMBER 2026**

**HARI BAHARU HIJRI BERMULA WAKTU MAGHRIB**

**TARIKH IJTIMA' : 3:03 petang (9 November 2026)**
**WAKTU DHUHA : 28 minit selepas waktu Syuruq**

| | مغرب | عشاء | إمساك | صبح | شروق | ظهر | عصر | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 7:02 | 8:12 | 5:39 | 5:49 | 6:56 | 1:01 | 4:15 | ISNIN | 12 OKTOBER 2026 |
| 2 | 7:02 | 8:11 | 5:39 | 5:49 | 6:56 | 1:01 | 4:15 | SELASA | 13 OKTOBER 2026 |
| 3 | 7:02 | 8:11 | 5:39 | 5:49 | 6:56 | 1:01 | 4:15 | RABU | 14 OKTOBER 2026 |
| 4 | 7:02 | 8:11 | 5:38 | 5:48 | 6:55 | 1:01 | 4:15 | KHAMIS | 15 OKTOBER 2026 |
| 5 | 7:01 | 8:11 | 5:38 | 5:48 | 6:55 | 1:00 | 4:16 | JUM'AT | 16 OKTOBER 2026 |
| 6 | 7:01 | 8:11 | 5:38 | 5:48 | 6:55 | 1:00 | 4:16 | SABTU | 17 OKTOBER 2026 |
| 7 | 7:01 | 8:10 | 5:38 | 5:48 | 6:55 | 1:00 | 4:16 | AHAD | 18 OKTOBER 2026 |
| 8 | 7:00 | 8:10 | 5:37 | 5:47 | 6:55 | 1:00 | 4:16 | ISNIN | 19 OKTOBER 2026 |
| 9 | 7:00 | 8:10 | 5:37 | 5:47 | 6:55 | 1:00 | 4:16 | SELASA | 20 OKTOBER 2026 |
| 10 | 7:00 | 8:10 | 5:37 | 5:47 | 6:55 | 12:59 | 4:16 | RABU | 21 OKTOBER 2026 |
| 11 | 7:00 | 8:10 | 5:37 | 5:47 | 6:54 | 12:59 | 4:16 | KHAMIS | 22 OKTOBER 2026 |
| 12 | 7:00 | 8:10 | 5:37 | 5:47 | 6:54 | 12:59 | 4:17 | JUM'AT | 23 OKTOBER 2026 |
| 13 | 6:59 | 8:09 | 5:37 | 5:47 | 6:54 | 12:59 | 4:17 | SABTU | 24 OKTOBER 2026 |
| 14 | 6:59 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:59 | 4:17 | AHAD | 25 OKTOBER 2026 |
| 15 | 6:59 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:59 | 4:17 | ISNIN | 26 OKTOBER 2026 |
| 16 | 6:59 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:59 | 4:17 | SELASA | 27 OKTOBER 2026 |
| 17 | 6:59 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:59 | 4:17 | RABU | 28 OKTOBER 2026 |
| 18 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:18 | KHAMIS | 29 OKTOBER 2026 |
| 19 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:18 | JUM'AT | 30 OKTOBER 2026 |
| 20 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:18 | SABTU | 31 OKTOBER 2026 |
| 21 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:18 | AHAD | 1 NOVEMBER 2026 |
| 22 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:18 | ISNIN | 2 NOVEMBER 2026 |
| 23 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:18 | SELASA | 3 NOVEMBER 2026 |
| 24 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:54 | 12:58 | 4:19 | RABU | 4 NOVEMBER 2026 |
| 25 | 6:58 | 8:09 | 5:35 | 5:45 | 6:54 | 12:58 | 4:19 | KHAMIS | 5 NOVEMBER 2026 |
| 26 | 6:58 | 8:09 | 5:35 | 5:45 | 6:54 | 12:58 | 4:19 | JUM'AT | 6 NOVEMBER 2026 |
| 27 | 6:58 | 8:09 | 5:35 | 5:45 | 6:54 | 12:58 | 4:19 | SABTU | 7 NOVEMBER 2026 |
| 28 | 6:58 | 8:09 | 5:35 | 5:45 | 6:55 | 12:58 | 4:19 | AHAD | 8 NOVEMBER 2026 |
| 29 | 6:58 | 8:09 | 5:36 | 5:46 | 6:55 | 12:59 | 4:20 | ISNIN | 9 NOVEMBER 2026 |
| 30 | 6:58 | 8:10 | 5:36 | 5:46 | 6:55 | 12:59 | 4:20 | SELASA | 10 NOVEMBER 2026 |



## MUFTI KEEMPAT KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

### SOHIBUS SAMAHAH DATO' HAJI MOHD YUSOF BIN HAJI AHMAD

Dato' Haji Mohd Yusof bin Haji Ahmad dilahirkan pada 7 Februari 1945 di Negeri Sembilan. Beliau memulakan langkah pendidikannya di Sekolah Kebangsaan Nuri, Air Mawang, Johol pada tahun 1952, sebelum beralih ke Sekolah Pertukangan Kayu Nuri. Kecenderungan beliau dalam bidang agama terserlah apabila beliau menyambung pengajian di Sekolah Ugama Menengah Rendah Johol, diikuti Sekolah Ugama Menengah Tinggi (SUMT) di Istana Lama Seri Menanti dan seterusnya ke Sekolah Ugama Menengah Tinggi Seremban. Kemuncak kembara ilmu beliau dalam tempoh tersebut adalah di Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya, yang tamat pada tahun 1969.

Keazaman beliau dalam mendalami ilmu agama membawanya ke menara gading di luar negara, di mana beliau melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Kaherah pada tahun 1970. Beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Tafsir & Hadith) pada 1972 dan seterusnya menggenggam Ijazah Sarjana Syariah dalam jurusan Fiqh Perbandingan dari universiti yang sama. Sekembalinya ke tanah air, beliau memulakan kerjaya sebagai pendidik, bermula sebagai Guru Bahasa Arab di SUMT Seremban pada tahun 1973. Kepimpinan beliau dalam bidang pendidikan terserlah apabila dilantik menjawat jawatan Pengetua di beberapa buah sekolah agama ternama, termasuklah di SMKA Sheikh Haji Mohd Said. Sebelum dilantik ke jawatan tertinggi agama negeri, beliau telah pun memberikan sumbangan besar sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan sejak tahun 1983 serta menganggotai Ahli Majlis, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Kemuncak khidmat bakti beliau bermula apabila dilantik sebagai Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan yang keempat pada 1 April 2009, bagi menggantikan Dato' Sheikh Haji Mohd Murtadza bin Sheikh Haji Ahmad. Sepanjang tempoh 13 tahun memegang jawatan tersebut, beliau dikenali sebagai seorang ulama' yang sangat teliti dan tegas dalam urusan fatwa serta pentadbiran hukum syarak. Beliau memainkan peranan penting dalam menangani isu-isu akidah yang mencabar, termasuklah pengurusan kes murtad yang lebih sistematik melalui prosedur runding cara yang teliti. Selain itu, jasa beliau dalam bidang penulisan dan penterjemahan kitab amat besar nilainya bagi umat Islam di Malaysia. Beliau mengetuai Panel Penterjemah dan Penyunting Kitab Fiqh Manhaji serta Kitab Aqidah Islamiyah, yang kini menjadi rujukan utama bagi penuntut ilmu dan institusi pendidikan agama khususnya di Negeri Sembilan. Ketokohan beliau telah diiktiraf melalui pelbagai anugerah berprestij, antaranya Tokoh Ma'al Hijrah Negeri Sembilan pada tahun 2005 dan Anugerah Tokoh Guru Negeri Sembilan pada 2009.

Dato' Haji Mohd Yusof mengakhiri perkhidmatannya sebagai Mufti pada 30 Disember 2022 dengan meninggalkan legasi ilmu yang sangat kukuh. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada 13 Ogos 2024 ketika berusia 79 tahun. Beliau disemadikan di Makam Tuan Haji Said, Sikamat, berhampiran dengan makam tokoh-tokoh ulama' terdahulu, meninggalkan warisan kepimpinan agama yang penuh integriti buat negeri beradat ini.

### Pengalaman

01 Guru Bahasa Arab (Sukarela), Sekolah Ugama Menengah Tinggi, Seremban, Negeri Sembilan (SUMT) pada Mac 1973.

02 Guru Bahasa Arab (Berijazah), Sekolah Ugama Menengah Tinggi Seremban (SUMT) pada September 1973.

03 Guru Penolong Kanan di Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama Seremban (SMKU).

04 Menjawat jawatan sebagai Pengetua:

| | | |
|---|---|---|
| i) | Sek. Men. Keb. Agama Seremban | (1980 – 1985) |
| ii) | Sek. Men. Agama Wilayah Persekutuan | (Okt 1985 – April 1987) |
| iii) | Sek. Men. Agama Persekutuan Labu, Negeri Sembilan | (1987 – Nov 1988) |
| iv) | Sek. Men. Keb. Agama Sharifah Rodziah, Melaka | (1988 – Feb 1989) |
| v) | Sek. Men. Keb. Agama Sheikh Hj. Mohd. Said, Seremban | ( Mac 1989-1997) |
| vi) | Maktab Perguruan Islam Bangi, Selangor | (1998 – Feb 2000) |

### Penghargaan & Pengiktirafan

| | |
|---|---|
| 1983 - 2022 | Ahli Jawatankuasa Fatwa, Negeri Sembilan |
| 1990 - 2008 | Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan |
| 1974 - 1983 | Pemeriksa Kertas Pendidikan Islam SRP |
| 1980 - 1983 | Pemeriksa Kertas Pendidikan Islam SPM |
| 1982 - 1985 | Ketua Panel Pemurniaan Soalan Thanawi Sekolah Agama Menengah Atas dan Thanawi |
| 1984 - 1995 | Ketua Pasukan Kertas Pendidikan Islam SRP & SPM |
| 1992 - 1993 | Ketua Kumpulan Ujian Lisan Bahasa Arab STPM, Negeri Sembilan |
| 1994 - 1999 | Ketua Pemeriksa Ujian Lisan Bahasa Arab STPM, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) |
| 1996 | Ketua Pemeriksa Kertas Pendidikan Islam SPM |
| 2000 - 2024 | Ketua Panel Penterjemah dan Penyunting Kitab Fiqh Manhaji |
| 2002 - 2009 | Ketua Panel Penyunting Kitab 'Aqidah Islamiyyah' |
| 2000 - 2022 | Jawatankuasa Rukyah Hilal Ramadhan, Syauwal dan Zu al-Hijjah |

*Sumber :*
**JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

● Cuti Umum
● Hari Kebesaran Islam

*Deepavali - 8 November 2026

**13, 14 dan 15 Jumada al-Ula ialah Hari-Hari Putih (Ayyam al-Bidh) disunatkan berpuasa*

# ZON 3
# 1448H

DAERAH SEREMBAN DAN PORT DICKSON

مجلس اڬام اسلام نڬري سمبيلن

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

٦ جُمَادَى ٱلْأَخِرَة

## JUMADA AL-AKHIRAH

**11 NOVEMBER - 10 DISEMBER 2026**

**HARI BAHARU HIJRI BERMULA WAKTU MAGHRIB**

**TARIKH IJTIMA' : 8:53 pagi (9 Disember 2026)**
**WAKTU DHUHA : 28 minit selepas waktu Syuruq**

| | مغرب | عشاء | إمساك | صبح | شروق | ظهر | عصر | Hari | Tarikh |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 6:58 | 8:10 | 5:36 | 5:46 | 6:55 | 12:59 | 4:20 | RABU | 11 NOVEMBER 2026 |
| 2 | 6:58 | 8:10 | 5:36 | 5:46 | 6:55 | 12:59 | 4:20 | KHAMIS | 12 NOVEMBER 2026 |
| 3 | 6:58 | 8:10 | 5:36 | 5:46 | 6:55 | 12:59 | 4:21 | JUM'AT | 13 NOVEMBER 2026 |
| 4 | 6:58 | 8:10 | 5:36 | 5:46 | 6:55 | 12:59 | 4:21 | SABTU | 14 NOVEMBER 2026 |
| 5 | 6:58 | 8:11 | 5:36 | 5:46 | 6:56 | 12:59 | 4:21 | AHAD | 15 NOVEMBER 2026 |
| 6 | 6:58 | 8:11 | 5:36 | 5:46 | 6:56 | 12:59 | 4:22 | ISNIN | 16 NOVEMBER 2026 |
| 7 | 6:58 | 8:11 | 5:36 | 5:46 | 6:56 | 1:00 | 4:22 | SELASA | 17 NOVEMBER 2026 |
| 8 | 6:59 | 8:11 | 5:36 | 5:46 | 6:56 | 1:00 | 4:22 | RABU | 18 NOVEMBER 2026 |
| 9 | 6:59 | 8:12 | 5:36 | 5:46 | 6:57 | 1:00 | 4:22 | KHAMIS | 19 NOVEMBER 2026 |
| 10 | 6:59 | 8:12 | 5:37 | 5:47 | 6:57 | 1:00 | 4:23 | JUM'AT | 20 NOVEMBER 2026 |
| 11 | 6:59 | 8:12 | 5:37 | 5:47 | 6:57 | 1:01 | 4:23 | SABTU | 21 NOVEMBER 2026 |
| 12 | 6:59 | 8:12 | 5:37 | 5:47 | 6:57 | 1:01 | 4:23 | AHAD | 22 NOVEMBER 2026 |
| 13 | 7:00 | 8:13 | 5:37 | 5:47 | 6:58 | 1:01 | 4:24 | ISNIN | 23 NOVEMBER 2026 |
| 14 | 7:00 | 8:13 | 5:37 | 5:47 | 6:58 | 1:01 | 4:24 | SELASA | 24 NOVEMBER 2026 |
| 15 | 7:00 | 8:13 | 5:38 | 5:48 | 6:58 | 1:02 | 4:25 | RABU | 25 NOVEMBER 2026 |
| 16 | 7:00 | 8:14 | 5:38 | 5:48 | 6:59 | 1:02 | 4:25 | KHAMIS | 26 NOVEMBER 2026 |
| 17 | 7:01 | 8:14 | 5:38 | 5:48 | 6:59 | 1:02 | 4:25 | JUM'AT | 27 NOVEMBER 2026 |
| 18 | 7:01 | 8:15 | 5:38 | 5:48 | 6:59 | 1:03 | 4:26 | SABTU | 28 NOVEMBER 2026 |
| 19 | 7:01 | 8:15 | 5:39 | 5:49 | 7:00 | 1:03 | 4:26 | AHAD | 29 NOVEMBER 2026 |
| 20 | 7:01 | 8:15 | 5:39 | 5:49 | 7:00 | 1:03 | 4:27 | ISNIN | 30 NOVEMBER 2026 |
| 21 | 7:02 | 8:16 | 5:39 | 5:49 | 7:00 | 1:04 | 4:27 | SELASA | 1 DISEMBER 2026 |
| 22 | 7:02 | 8:16 | 5:40 | 5:50 | 7:01 | 1:04 | 4:27 | RABU | 2 DISEMBER 2026 |
| 23 | 7:02 | 8:17 | 5:40 | 5:50 | 7:01 | 1:04 | 4:28 | KHAMIS | 3 DISEMBER 2026 |
| 24 | 7:03 | 8:17 | 5:40 | 5:50 | 7:02 | 1:05 | 4:28 | JUM'AT | 4 DISEMBER 2026 |
| 25 | 7:03 | 8:17 | 5:41 | 5:51 | 7:02 | 1:05 | 4:29 | SABTU | 5 DISEMBER 2026 |
| 26 | 7:04 | 8:18 | 5:41 | 5:51 | 7:03 | 1:06 | 4:29 | AHAD | 6 DISEMBER 2026 |
| 27 | 7:04 | 8:18 | 5:41 | 5:51 | 7:03 | 1:06 | 4:30 | ISNIN | 7 DISEMBER 2026 |
| 28 | 7:04 | 8:19 | 5:42 | 5:52 | 7:03 | 1:07 | 4:30 | SELASA | 8 DISEMBER 2026 |
| 29 | 7:05 | 8:19 | 5:42 | 5:52 | 7:04 | 1:07 | 4:31 | RABU | 9 DISEMBER 2026 |
| 30 | 7:05 | 8:20 | 5:43 | 5:53 | 7:04 | 1:07 | 4:31 | KHAMIS | 10 DISEMBER 2026 |



## MUFTI KELIMA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

### YB SOHIBUS SAMAHAH DATO' DR. FAUDZINAIM BIN HAJI BADARUDDIN

Dato' Dr. Faudzinaim bin Haji Badaruddin dilahirkan pada 27 September 1965 di Tanjung Ipoh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau menerima didikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan King George V, Ampangan, sebelum meneruskan pengajian menengah di Sekolah Agama Block C (kini SMA Dato' Klana Petra Ma'amor) bagi peringkat Tingkatan 1 hingga 3. Kecemerlangan akademik beliau diteruskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Syeikh Haji Muhammad Said (SMKA SHAMS) sehingga tamat Tingkatan 5. Hasrat beliau untuk mendalami ilmu Islam di peringkat tertinggi bermula di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di mana beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Kepujian) pada tahun 1989. Kembara ilmu beliau kemudiannya melangkaui sempadan negara apabila beliau melanjutkan pengajian ke School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London. Di sana, beliau berjaya memperoleh Ijazah Sarjana pada tahun 1992 dan seterusnya mencapai kemuncak akademik dengan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1998. Khidmat Bakti dan Kerjaya Akademik

Sekembalinya ke tanah air, beliau mula mencurahkan bakti di menara gading sebagai Tutor di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, UKM pada tahun 1990. Kepakaran dan dedikasi beliau dalam dunia akademik membawa kepada pelantikan sebagai Pensyarah pada 1998, dan seterusnya menjawat gelaran Profesor Madya mulai Mei 2007. Selain mendidik, beliau juga memegang pelbagai amanah pentadbiran penting, antaranya sebagai Ketua Pusat Islam UKM (2002–2015) serta Ketua Hal Ehwal Siswa dan Alumni (2015–2018).

Wibawa beliau dalam bidang akidah dan perundangan Islam diiktiraf secara meluas melalui pelbagai pelantikan di peringkat negeri dan kebangsaan. Sejak tahun 2013, beliau merupakan Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) serta menganggotai Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan sejak 2010. Di peringkat nasional, beliau menganggotai Panel Pakar Akidah JAKIM dan bertindak sebagai Felo di Malaysia International Fiqh Academy.

Sifat kepimpinan beliau yang tenang namun tegas dalam urusan agama turut membawa beliau menganggotai Jawatankuasa Pengawalan Akidah di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta memegang jawatan Naib Presiden bagi International Society of Muslim Philosophers and Theologians.

